

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a),Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya bertanggungjawab untuk mendaftarkan perkahwinan dan perceraian serta menjalankan Tribunal Perkahwinan bagi orang bukan Islam selaras dengan peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164). Walau bagaimanapun, Akta ini tidak terpakai bagi seseorang anak negeri Sabah, Sarawak atau seseorang orang asli Semenanjung Malaysia yang perkahwinan dan perceraianya tertakluk kepada undang-undang adat anak negeri atau adat orang asli, melainkan jika mereka memilih untuk berkahwin di bawah Akta ini. Manakala bagi perkahwinan orang Islam, ianya ditadbir oleh pihak berkuasa hal ehwal agama negeri masing-masing. Statistik yang berkaitan adalah seperti berikut:-

| Perkara | Bagi Tempoh 2011 - 2015 |
|---|--------------------------------|
| Pendaftaran Perkahwinan antara Warganegara Malaysia dengan Warga Asing | 51,422 |
| Pendaftaran Perceraian antara Warganegara Malaysia dengan Warga Asing | 5,377 |

Bagi menjawab soalan (b), selain daripada itu, JPN juga berperanan untuk mendaftarkan setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia berdasarkan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (CAP 123) bagi negeri Sabah dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (CAP 10) bagi negeri Sarawak. Oleh itu, berdasarkan rekod JPN, jumlah pendaftaran kelahiran yang melibatkan anak kepada warganegara Malaysia dengan pasangan warga asing daripada tahun 2011 sehingga 2015 adalah seramai 71,082 orang. Selain daripada itu, JPN turut merekodkan sebanyak 4,470 kelahiran kanak-kanak di luar perkahwinan yang sah di mana salah seorang daripada ibu atau bapa biologinya adalah warga asing.